

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pusat Pengajian Kerajaan
Sent: Sunday, May 21, 2017 3:00 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Prof. Madya Dr. Zaheruddin Bin Othman; Dr. Ahmad Zubir bin Ibrahim; Mohammad Fadzil Bin Din
Subject: UNIVERSITAS WIJAYA PUTRA,SURABAYA BERHASRAT MENJALIN HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN PUSAT PENGAJIAN KERAJAAN



Pusat Pengajian Kerajaan

SCHOOL OF GOVERNMENT

Universiti Utara Malaysia

21 MEI 2017/24 SYAABAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

YBhg. Datuk/Dato/Datin/YBrs. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan



SOG Online: Pada 21 Mei 2017 (Ahad), Pusat Pengajian Kerajaan telah menerima kunjungan dari Universiti Wijaya Putra (UWP), Surabaya seramai lapan orang diketuai oleh Dr.Sri Juni Woro Astuti, Dekan, Fakulti Sosial dan Sains Politik,UWP bagi membincangkan hubungan kerjasama pintar dalam mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi hubungan pendidikan dan akademik di antara kedua-dua belah pihak. Delegasi berkenaan telah disambut dan diberi taklimat oleh Dekan Pusat Pengajian Kerajaan, Prof Madya Dr Zaheruddin Othman.

Dekan Pusat Pengajian Kerajaan dalam ucapannya berkata, SOG sentiasa terbuka untuk mengadakan kerjasama dengan semua pihak demi kebaikan bersama terutama dalam bidang polisi dan pembangunan secara keseluruhannya. Sementara itu, Dr.Sri Juni Woro Astuti, Dekan, Fakulti Sosial dan Sains Politik,UWP menjelaskan melalui lawatan ini secara tidak langsung telah mengeratkan silaturrahim antara UUM dengan UWP. Menurutnya lagi, UWP berbesar hati untuk menjalinkan kerjasama dengan UUM yang terkenal di atas pencapaian bukan sahaja di peringkat negara malah antarabangsa. Katanya, antara kerjasama yang dilihat boleh dilaksanakan adalah seperti program pertukaran pelajar, ijazah berganda dan penerbitan.

Kunjungan ini juga turut membincangkan cadangan melaksanakan program pertukaran pelajar, penyelidikan, penerbitan, pertukaran pensyarah dan sebagainya di antara kedua-dua belah pihak. Pihak UWP juga turut bersetuju untuk mengadakan pemeterian memorandum persefahaman (MoU) dengan UUM, melalui SOG.

Dalam kunjungan yang berlangsung hampir 2 jam ini turut di hadiri oleh Timbalan Dekan Pusat Pengajian Kerajaan, Dr Ahmad Zubir Ibrahim, Dr Nursyakiran Akmal Ismail Ketua Jabatan Pengurusan Awam dan Ketua Jabatan Pengurusan dan Pembangunan Hartanah, Dr Sollahuiddin Ismai. Delagasi dari UWP turut di bawa melawat kampus UUM sejurus selesai lawatan di SOG.

TAMAT

Daripada:

Pusat Pengajian Kerajaan

UUM College of Law, Government & International Studies

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : 04-9287901/7906 | Faks: 04-9287914 | Email : colgis_ppk@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising

from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.